



HEALTHIER, LONGER,  
BETTER LIVES

MALAYSIA'S  
**Healthiest**  
WORKPLACE | **AIA Vitality**

## Siaran Media

### **Setahun kemudian: Tenaga Kerja Malaysia Alami Kehilangan Produktiviti yang Tinggi dan Tekanan Berkaitan dengan Kerja**

*Hasil tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat Malaysia oleh AIA Vitality 2018 menunjukkan bahawa ketidakhadiran dan kehadiran tidak produktif terus menjelaskan prestasi sesebuah organisasi*

- Syarikat-syarikat kehilangan sejumlah 73.1 hari bagi setiap pekerja yang disebabkan oleh ketidakhadiran dan kehadiran tidak produktif, melibatkan kos RM2.27 juta setahun bagi setiap majikan.
- Isu kesihatan mental semakin meningkat dengan 50.2% pekerja mengalami sekurang-kurangnya satu dimensi tekanan berkaitan dengan kerja.
- 98% pekerja mempunyai usia AIA Vitality yang lebih tinggi berbanding usia sebenar dan berfungsi dengan keadaan badan dan mental yang lebih tua dari usia sebenar.

**KUALA LUMPUR, 26 November 2018** - Penyedia insurans hayat dan kesihatan terkemuka, AIA Bhd. hari ini mengumumkan hasil tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat Malaysia oleh AIA Vitality 2018 (*Malaysia's Healthiest Workplace by AIA Vitality 2018 survey*). Penemuan tinjauan menunjukkan bahawa Malaysia terus terjejas dengan kehilangan produktiviti di tempat kerja yang disebabkan oleh ketidakhadiran\* dan kehadiran tidak produktif\*\* yang ketara dikalangan tenaga kerja. Keputusan tinjauan juga menunjukkan peningkatan masalah kesihatan mental di tempat kerja dengan 50.2% pekerja melaporkan sekurang-kurangnya satu dimensi tekanan yang berkaitan dengan kerja.

Sejumlah 117 organisasi yang berbeza saiz dan sektor mengambil bahagian dalam tinjauan tahun ini, dengan gabungan tenaga kerja seramai 11,551 orang. Jumlah ini merupakan dua kali ganda bilangan peserta daripada tinjauan tahun lepas, yang memberikan indikasi bahawa keinginan Korporat Malaysia untuk mengetahui kedudukan mereka serta komitmen mereka dalam menyediakan tempat kerja yang lebih baik untuk menarik dan mengekalkan pekerja mereka. Sejak pelancarannya, keputusan tinjauan telah mengenal pasti punca kehilangan produktiviti yang tinggi serta tingkah laku dan faktor lain seperti kurang tidur, tekanan, pemakanan tidak sihat, kurang bersenam dan kesihatan mental dan kesejahteraan secara keseluruhan.

Kebanyakan tinjauan mendedahkan bahawa kesihatan mental kekal sebagai salah satu isu besar namun tidak dibincangkan di tempat kerja. Lazimnya, kesihatan mental sering diabaikan dan tidak dapat dikesan kerana stigma dan kurang pemahaman. Isu-isu lain seperti tekanan, budaya organisasi, kepimpinan dan pembulian juga boleh memberi kesan kepada kesihatan mental dan kesejahteraan pekerja, lantaran memberi kesan negatif kepada produktiviti dan prestasi sesebuah organisasi. Hasil tinjauan 2018 mendedahkan bahawa 50.2% pekerja mengalami sekurang-kurangnya satu dimensi tekanan yang berkaitan dengan kerja, di mana 18.2% disebabkan oleh tekanan kewangan.

Hasil tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat Malaysia oleh AIA Vitality 2018 yang lain adalah:

- 45.9% pekerja terdedah kepada risiko kerana aktiviti fizikal mereka adalah kurang daripada 150 minit seminggu.
- 16.6% pekerja adalah obes.
- 85% pekerja dilaporkan mempunyai satu atau lebih masalah musculoskeletal.
- 91.7% pekerja yang ditinjau tidak mempunyai diet seimbang.
- 54.4% rakyat Malaysia tidur kurang daripada tujuh (7) jam setiap malam, manakala 11% mempunyai corak tidur yang kurang baik diikuti dengan 2% mempunyai corak tidur yang sangat tidak baik.
- 32% pekerja dilaporkan mempunyai satu atau lebih penyakit kronik (tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi, diabetes, penyakit jantung atau strok).
- 56% pekerja merasakan bahawa pengurus mereka mengambil berat mengenai kesihatan dan kesejahteraan mereka.
- 90% majikan/organisasi menawarkan sekurang-kurangnya satu intervensi hanya 13% pekerja mengetahui tentang intervensi yang ditawarkan oleh majikan mereka dan 59% dari jumlah tersebut mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu intervensi.
- 98% rakyat Malaysia mempunyai usia AIA Vitality yang lebih tinggi berbanding usia sebenar mereka.

Bercakap di Sidang Kemuncak Tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat Malaysia 2018, Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd., Anusha Thavarajah berkata: "Kami melancarkan Tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat di Malaysia oleh AIA Vitality sebagai langkah pertama untuk mewujudkan kesedaran dan mempromosikan kesejahteraan tempat kerja untuk membantu tenaga kerja Malaysia hidup lebih sihat, berpanjangan dan bermakna. Kami berbangga dapat menerajui perbincangan berkenaan topik ini untuk tahun yang kedua, dan amat berharap bahawa pandangan dan strategi-strategi yang dikemukakan hasil daripada tinjauan ini dapat membantu syarikat korporat memahami, merangka dan melaksanakan intervensi yang boleh mempengaruhi tingkah laku positif di kalangan pekerja mereka.

Sebagai penyedia skim faedah pekerja utama di Malaysia, AIA mendapat maklumat dan pandangan secara menerus ke atas impak tenaga kerja yang tidak sihat terhadap majikan. Melalui inisiatif ini, AIA terus memainkan peranan yang bukan hanya memberikan perlindungan insurans, tetapi berkembang menjadi suatu entiti yang membantu orang ramai hidup dan kekal sihat.”

"Tahun ini, kami terutamanya ingin menangani topik yang sukar - kesihatan mental. Dengan tekanan tempat kerja menjadi salah satu risiko utama tenaga kerja, kami merasakan betapa pentingnya untuk mencetus perbualan mengenai subjek kontroversi ini. Terdapat keperluan yang jelas untuk Korporat Malaysia membina budaya dalam organisasi kita yang menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat yang mengamalkan budaya keterbukaan dan menggalakkan penyembuhan tanpa sebarang penghakiman. Kami berharap bahawa inisiatif yang kami jalankan ini hanyalah permulaan kepada tempat kerja dan budaya kerja yang lebih sihat untuk semua rakyat Malaysia," tambah Anusha.

Tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat Malaysia adalah tinjauan bebas yang dijalankan oleh AIA dengan kerjasama agensi penyelidikan RAND Europe dan Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai penasihat akademik tempatan kajian tersebut. Diadaptasi daripada kajian Tempat Kerja Sehat Britain, sebuah kajian yang berjaya dijalankan di UK sejak tahun 2013, kini merupakan satu-satunya tinjauan tempat kerja komprehensif berlandaskan sains yang pernah dijalankan di Malaysia.

Tinjauan ini ditawarkan secara percuma kepada syarikat-syarikat di Malaysia dengan sekurang-kurangnya 20 kakitangan, dan syarikat yang mengambil bahagian akan menerima laporan kesihatan organisasi terperinci yang membantu mereka memahami faktor risiko di kalangan pekerja mereka, serta keberkesanan syarikat tersebut dari segi intervensi kesihatan dan kesejahteraan.

Hasil tinjauan 2018 didedahkan di Sidang Kemuncak Tempat Kerja Paling Sihat Malaysia yang bertempat di ibu negara, di mana analisis utama, pandangan dan kemunculan trend terbaru disampaikan oleh pakar industri kepada kira-kira 350 tetamu dan pengamal media.

\*Ketidakhadiran: Tidak hadir kerja di atas sebab-sebab berkaitan dengan kesihatan

\*\*Kehadiran tidak produktif: Hadir di tempat kerja semasa tidak sihat

## **Hasil Penemuan Tinjauan Malaysia**

### **KEBANGKITAN MASALAH KESIHATAN MENTAL DIKALANGAN TENAGA KERJA MENGURANGKAN PRODUKTIVITI**

Menurut penemuan Tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat Malaysia oleh AIA Vitality 2018, secara purata majikan kehilangan **73.1 hari** waktu bekerja bagi setiap pekerja akibat ketidakhadiran yang berkaitan dengan kesakitan dan kehadiran tidak produktif.

Ketidakhadiran merujuk kepada ketiadaan pekerja dari pekerjaan akibat masalah kesihatan sementara kehadiran tidak produktif bermakna pekerja hadir di tempat kerja tetapi dibatasi oleh masalah kesihatan untuk menjalankan tugas harian mereka. Di samping itu, kehilangan hari bekerja meningkat daripada purata 67.2 hari dari tahun sebelumnya (2017) yang menjadikan anggaran kehilangan **RM2.27 juta setahun** bagi setiap organisasi.

Pekerja Malaysia juga semakin terjejas disebabkan isu-isu kesihatan mental selama ini yang boleh menyebabkan ketidakhadiran pekerja dan pemberhentian yang seterusnya memberi kesan negatif terhadap produktiviti dan prestasi syarikat. Jika tidak ditangani, prestasi kedua-dua majikan dan pekerja akan terjejas. Hasil penemuan juga menunjukkan bahawa **50.2%** pekerja mempunyai sekurang-kurangnya satu dimensi tekanan kerja yang berkaitan.

### **TABIAT BURUK SEMAKIN MENINGKAT**

Pekerja Malaysia dilihat mempunyai tabiat yang buruk kerana bilangan perokok meningkat berbanding dengan pasaran lain (iaitu Australia, Hong Kong dan Thailand) - 11.1% pekerja kini adalah perokok, berbanding dengan purata 7.5% di pasaran lain.

Mereka direkodkan sebagai paling berisiko dengan masalah berkaitan nutrisi dengan **91.7% tidak mengambil diet yang seimbang** termasuk buah-buahan, sayur-sayuran, dan bijirin.

Di samping itu, **16.6%** pekerja Malaysia yang ditinjau adalah obes. Tekanan, pemakanan mengikut emosi, atau dibelenggu masalah di tempat kerja boleh menjadi faktor penyebab peningkatan tabiat buruk ini. Akhir sekali, pekerja didapati kurang cenderung untuk membuat perubahan yang sihat jika mereka berasa diri mereka berada dalam keadaan sihat. **13%** pekerja mempunyai empat (4) atau lebih faktor risiko tetapi **62% pekerja percaya bahawa mereka berada dalam keadaan sihat**.

## **KEHIDUPAN DAN PILIHAN KERJA YANG LEBIH BAIK MENGGAMBARKAN MOTIVASI PEKERJA**

Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang positif dalam beberapa kategori – dengan bilangan pekerja tertinggi yang menunjukkan minat dan motivasi untuk mengubah aktiviti fizikal dan berat badan mereka. Di samping itu, lebih separuh daripada pekerja bersetuju bahawa kepimpinan dikalangan tenaga kerja adalah positif. Tinjauan juga menunjukkan bahawa **56%** rakyat Malaysia merasakan bahawa pengurus mereka mengambil berat tentang kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Dapatkan maklumat lanjut mengenai Tempat Kerja Paling Sihat Malaysia oleh AIA Vitality di [www.healthiestworkplace.aia.com](http://www.healthiestworkplace.aia.com)

**- TAMAT -**

### **Mengenai AIA Bhd.**

AIA Bhd. adalah peneraju utama syarikat insurans di Malaysia, di mana kami mendapat penghormatan menjalankan perniagaan sejak 1948. Kami menawarkan rangkaian penyelesaian kewangan termasuk Perlindungan, Kesihatan, Kemalangan Peribadi, Faedah Pekerja, Gadai Janji, dan Persaraan untuk memenuhi keperluan dan jaminan kewangan pelanggan kami pada setiap peringkat kehidupan mereka. Melalui rangkaian pengedaran kami yang pelbagai dan luas yang mempunyai kekuatan pasukan agensi dengan hampir 14,000 Perancang Hayat, cawangan rakan kongsi bank kami yang eksklusif di seluruh negara serta pasukan jualan korporat dan broker, kami memberi pelanggan kami pilihan dalam menentukan bagaimana, bila dan di mana mereka menghubungi kami.

Sebahagian daripada Kumpulan AIA, kumpulan insurans hayat pan-Asia yang tersenarai awam terbesar dan bebas, AIA Bhd. mempunyai kekuatan kewangan, pengalaman, rangkaian pusat perkhidmatan serta pasukan terlatih yang terdiri daripada lebih 2,000 kakitangan yang menawarkan perkhidmatan kepada 3.5 juta pelanggan di seluruh negara. Sehingga 30 June 2018, jumlah aset AIA Bhd. bernilai RM51 bilion, dengan modal berbayar sebanyak RM1,451 juta.

### **Mengenai AIA**

AIA Group Limited dan anak syarikat (keseluruhananya “AIA” atau “Kumpulan”) terdiri daripada kumpulan insurans hayat pan-Asia tersenarai awam terbesar dan bebas. Ia beroperasi di 18 pasaran di rantau Asia Pasifik – cawangan dan anak syarikat milik penuh di Hong Kong, Thailand, Singapura, Malaysia, China, Korea, Filipina, Australia, Indonesia, Taiwan, Vietnam, New Zealand, Macau, Brunei, Cambodia, dan mempunyai pegangan anak syarikat sebanyak 97 peratus di Sri Lanka dan satu usaha sama dengan pegangan anak syarikat sebanyak 49 peratus di India serta pejabat perwakilan di Myanmar.

Perniagaan yang kini dikenali sebagai AIA telah ditubuhkan di Shanghai hampir sedekad yang lalu pada tahun 1919. Ianya merupakan peneraju pasaran di rantau Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun) berdasarkan premium insurans hayat dan memegang kedudukan utama dalam sebahagian besar pasarnya. Ia mempunyai jumlah aset bernilai \$221 bilion dolar Amerika pada 30 Jun 2018.

AIA memenuhi keperluan simpanan dan perlindungan individu secara jangka panjang dengan menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan termasuk insurans hayat, insurans kemalangan dan kesihatan dan pelan simpanan. Kumpulan ini juga menyediakan manfaat pekerja, kredit hayat dan perkhidmatan persaraan kepada pelanggan korporat. Melalui rangkaian ejen-ejen, rakan kongsi dan pekerja yang meluas di seluruh Asia Pasifik, AIA memberikan perkhidmatan kepada lebih daripada 32 juta pemegang polisi individu dan lebih 16 juta peserta skim insurans berkumpulan.

Kumpulan AIA disenaraikan di Papan Utama, Bursa Saham Hong Kong di bawah kod bursa "1299" dengan Resit Depositari Amerika (Tahap 1) yang diniagakan pada kaunter pasaran (simbol ticker: "AAGIY").

### **Mengenai AIA Vitality**

AIA Vitality merupakan satu-satunya program kesejahteraan menyeluruh berdasarkan sains yang pertama di Asia. Program ini menyediakan pengetahuan, alat dan motivasi kepada ahli-ahlinya untuk membantu mereka melaksanakan langkah-langkah yang boleh dicapai bagi memenuhi matlamat kesihatan dan perubahan tingkah laku positif secara jangka panjang ke arah gaya hidup yang lebih sihat.

Ahli AIA Vitality diberi insentif untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti kesihatan dan kesejahteraan dengan menawarkan mereka pelbagai faedah termasuk manfaat insurans dan perlindungan tambahan kepada pelan insurans dan pelan Takaful yang terpilih serta menikmati diskaun daripada rakan AIA Vitality.

Ketahui dengan lebih lanjut mengenai AIA Vitality di [www.aiavitality.com.my](http://www.aiavitality.com.my)

### **Mengenai Tempat Kerja Paling Sihat oleh AIA Vitality**

Maklumat lanjut tentang Tempat Kerja Paling Sihat oleh AIA Vitality boleh diperolehi dengan melayari [www.healthiestworkplace.aia.com](http://www.healthiestworkplace.aia.com)

### **Mengenai RAND Corporation**

RAND Corporation adalah sebuah organisasi penyelidikan yang membangunkan penyelesaian bagi cabaran polisi awam untuk membantu komuniti di seluruh dunia menjadi lebih selamat, lebih sihat dan lebih makmur.